



## SOROTAN PASARAN BURUH, SUKU TAHUN KEEMPAT 2024

Pasaran buruh Malaysia mengukuh dengan 17.34 juta orang dalam tenaga buruh dan produktiviti buruh mencapai RM25,647 per pekerja pada suku keempat 2024

### PENAWARAN BURUH

#### Kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB)

naik 0.5 mata peratus berbanding ST4 2023



17.34 juta tenaga buruh

▲ 2.5% YoY  
▲ 0.4% QoQ

7.21 juta luar tenaga buruh

▲ 0.2% YoY  
▼ -0.2% QoQ


Lebih daripada 85 peratus tidak mencari kerja kerana bersekolah dan kerja rumah



\*merujuk kepada orang yang melanjutkan pelajaran, kurang upaya, tidak berminat/ baru tamat pengajian dan bersara/ lanjut umur

Penduduk bekerja terus mencatatkan peningkatan,

kepada 16.79 juta orang



Jumlah jam bekerja pada ST4, 9.75 billion jam

▲ 3.5% YoY  
▲ 0.8% QoQ

### Kedudukan guna tenaga tidak penuh

153.4 ribu guna tenaga tidak penuh berkaitan masa

Kadar: 0.9%  
▼ -15.5% YoY  
▼ -3.6% QoQ

Kadar guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran



Lebih satu pertiga penduduk bekerja berpendidikan tertiar dalam pekerjaan separuh mahir dan berkemahiran rendah merekodkan

1.93 juta orang

### PERMINTAAN BURUH

Pada ST4 2024

9.05 juta jawatan dalam sektor ekonomi meningkat 1.3 peratus berbanding suku sama tahun 2023



Lebih separuh (57.1%) peluang pekerjaan pada ST4 2024 adalah dalam sektor Pembuatan sebanyak 110.5 ribu kekosongan



### Statistik Upah Pekerja (Sektor Formal)

Pada September 2024, 6.82 juta pekerja formal warganegara

Pertumbuhan YoY: 2.1%



Taburan upah bulanan

32.0% (2.18 juta) pekerja sektor formal Malaysia berpendapatan di bawah RM2,000 pada Sept. 2024

2.18 juta pekerja

### Situasi pengangguran negara



### Penganggur

berkurang pada ST4 2024 kepada

546.9 ribu orang

Kadar pengangguran

turun 0.1 mata peratus tahun-ke-tahun, kekal 3.2 peratus dari suku tahun sebelumnya




● % YoY: Peratus perubahan tahun-ke-tahun  
● % QoQ: Peratus perubahan suku-ke-suku

### PRODUKTIVITI BURUH

Kedua-dua pengukuran produktiviti buruh mencatatkan peningkatan berbanding suku yang sama tahun sebelumnya

Nilai produktiviti buruh pada ST4 2024



Sumber: Sorotan Pasaran Buruh, Suku Tahun Keempat 2024, Jabatan Perangkaan Malaysia



# Pasaran buruh Malaysia mengukuh dengan 17.34 juta orang dalam tenaga buruh dan produktiviti buruh mencapai RM25,647 per pekerja pada suku keempat 2024

- Pada suku keempat 2024, tenaga buruh Malaysia meningkat sebanyak 0.4 peratus kepada 17.34 juta orang, menunjukkan pertumbuhan positif dalam pasaran buruh. Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (KPTB) meningkat kepada 70.6 peratus, didorong oleh peningkatan jumlah penduduk bekerja kepada 16.79 juta orang.
- Kadar pengangguran kekal stabil pada 3.2 peratus, dengan jumlah penganggur menurun sedikit kepada 546.9 ribu orang. Selain itu, penduduk bekerja kurang daripada 30 jam seminggu berkurang sebanyak 2.5 peratus, manakala guna tenaga tidak penuh berkaitan masa juga turun sebanyak 3.6 peratus.
- Dari segi permintaan buruh, bilangan jawatan meningkat sebanyak 1.3 peratus kepada 9.05 juta, dengan kadar jawatan diisi kekal pada 97.9 peratus. Kadar kekosongan jawatan stabil pada 2.1 peratus, dengan peningkatan kecil dalam jumlah kekosongan kepada 193.6 ribu jawatan.
- Produktiviti buruh meningkat sebanyak 1.4 peratus kepada RM44.2 per jam bekerja selari dengan pertumbuhan ekonomi sebanyak 5.0 peratus. Secara keseluruhannya, pada tahun 2024 produktiviti buruh per jam bekerja meningkat 2.1 peratus, manakala produktiviti buruh per pekerja meningkat 2.4 peratus kepada RM99,137 per pekerja.
- Menjelang 2025, prospek tenaga buruh Malaysia kekal positif dengan pertumbuhan pekerjaan yang stabil. Sektor utama seperti Pembuatan, khususnya dalam bidang elektrik dan elektronik, serta sektor Perkhidmatan dijangka terus memacu peluang pekerjaan.

